

24 OCT 1999  
Sekolah-wartawan  
SMK JABI TUMPUAN WARTAWAN

ALOR SETAR, 24 Okt (Bernama) -- Sekolah Menengah Kebangsaan Jabi, Pokok Sena dekat sini yang mempunyai seorang guru yang menyediakan kertas soalan matematik berbau politik agar murid membenci kerajaan, menjadi tumpuan wartawan hari ini.

Sebanyak 20 orang pemberita dan jurugambar pelbagai media tempatan menunggu di luar pagar hadapan sekolah itu dengan tujuan menemubual guru berkenaan sejak 10 pagi tadi.

Wartawan dilarang masuk ke kawasan sekolah dan menurut guru yang berkawal di pintu pagar, dia mendapat arahan supaya tidak membenarkan sebarang wakil media masuk ke kawasan sekolah.

Tiga orang anggota polis beruniform juga kelihatan berada dalam kawasan sekolah.

Sehingga 4 petang ini, wartawan-wartawan itu masih gagal untuk bertemu dengan guru berkenaan.

Pelajar-pelajar yang keluar dari kawasan sekolah berkata, guru itu telahpun pulang.

Rata-rata pelajar yang ditemui di luar perkarangan sekolah enggan mengulas mengenai guru terbabit.

Bagaimanapun, seorang pelajar lelaki Tingkatan Empat yang enggan nama disiarkan, mengakui guru itu mengajar matematik di kelasnya dan pernah menyediakan soalan berbau politik.

Antara soalnya mengenai topik "Penakulan Mantik", kata pelajar itu, guru terbabit menyediakan soalan seperti berikut:

- + Premis 1 : Jika Anwa Brahim masuk lokap dia akan diracun.
- . Premis 2 : Anwa Brahim masuk lokap.
- . : Kesimpulan:
- + Premis 1 : Jika Ali menyokong Barisan Najis, dia akan mendapat dosa.
- . Premis 2 : Ali menyokong Alternatif.
- . : Kesimpulan:
- + Premis 1 : (jawapan)
- . Premis 2 : Det menjadi ketua.
- . : Kesimpulan: Kami menyokong Wan Azizah.
- + Premis 1 : Jika Anwa Brahim datang lewat ke pejabat, Zizan Bakar saksi benar.
- . Premis 2 : Anwa Brahim datang awal ke pejabat
- . : Kesimpulan:

Menurut pelajar berkenaan, soalan itu diberikan kepada pelajar di kelasnya lebih kurang dua minggu lepas.

"Apabila kami bertanyakan kepada guru terbabit mengenai soalan tersebut dengan lebih lanjut, beliau menjawab hanya untuk gurauan," kata pelajar itu.

Perbuatan guru berkenaan menyediakan soalan yang bertujuan menghasut pelajar membenci kerajaan didedahkan pada Jumaat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melawat Jitra.

-- BERNAMA  
MN MAI